

PENGUNAAN MEDIA SOSIAL DAN KESANNYA TERHADAP PRESTASI BAHASA ARAB

THE USE OF SOCIAL MEDIA AND ITS IMPACT ON ARABIC LANGUAGE PERFORMANCE

Muhammad Saiful Anuar Yusoff^{1*}

Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad²

Shahrizal Mahpol³

Zawiah Seman⁴

Farah Yasmin Najwa Mohamed⁵

¹ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Malaysia
(E-mail: saiful673@uitm.edu.my)

² Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Malaysia
(E-mail: luqman701@uitm.edu.my)

³ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Malaysia
(E-mail: srizal368@uitm.edu.my)

⁴ SMK Agama Wataniah, Machang, Kelantan, Malaysia
(E-mail: zawiah_seman@gmail.com)

⁵ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia
(E-mail: farahyasmi1999@gmail.com)

*Corresponding author: Muhammad Saiful Anuar Yusoff saiful673@uitm.edu.my

Article history

Received date : 15-7-2025

Revised date : 16-7-2025

Accepted date : 29-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Yusoff, M. S. A., Mohd Saad, M. L. I. H., Mahpol, S., Seman, Z., & Mohamed, F. Y. N. (2025). Penggunaan media sosial dan kesannya terhadap prestasi bahasa arab. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74), 103 - 116.

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti penggunaan media sosial dalam pembelajaran dan kesannya terhadap prestasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab di di institusi pengajian menengah dan pengajian tinggi. Walaupun penggunaan media sosial menjadi lumrah dalam kalangan pelajar, penggunaannya secara terperinci untuk tujuan pembelajaran belum dipastikan secara spesifik. Kajian ini bertujuan untuk menilai pengaruh penggunaan media sosial terhadap prestasi bahasa Arab pelajar. Data dikumpul melalui teknik pensampelan rawak bertujuan yang menghasilkan 124 respons yang sah daripada pelajar di sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi terpilih. Data kemudiannya dianalisis menggunakan Pemodelan Persamaan Struktur (PLS-SEM). Penggunaan media dengan jelas mempengaruhi prestasi bahasa Arab pelajar ($\beta=0.328$, $t=3.796$, $p<0.01$, $f^2=0.082$). Analisis IPMA yang dijalankan menunjukkan penggunaan media sosial dalam pembelajaran Bahasa Arab digunakan untuk mendapatkan pandangan alternatif terhadap bahan pembelajaran, meningkatkan pencapaian pembelajaran dan berinteraksi dengan guru dan rakan dalam proses pembelajaran. Kajian ini menyerlahkan peranan penting yang dimainkan oleh media sosial dalam pembelajaran Bahasa Arab. Penemuan ini menawarkan pandangan yang bernilai kepada penggubal dasar dan pemimpin institusi untuk mereka bentuk strategi bersasar yang meningkatkan keberkesanan media sosial dalam sektor menengah dan pendidikan tinggi.

Kata Kunci: *Media sosial, Penggunaan media sosial, Prestasi Bahasa Arab*

Abstract: *This study was conducted to identify the use of social media in learning and its effects on students' performance in learning Arabic at secondary and higher education institutions. Although the use of social media has become common among students, its detailed use for learning purposes has not been specifically determined. The study aims to assess the influence of social media use on students' Arabic language performance. Data was collected through a purposive random sampling technique, yielding 124 valid responses from students at selected secondary schools and higher education institutions. The data was then analyzed using Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM). The use of media affects students' Arabic language performance ($\beta=0.328$, $t=3.796$, $p<0.01$, $f^2=0.082$). The IPMA analysis shows that the use of social media in learning Arabic serves to gain alternative perspectives on learning materials, enhance learning achievement, and interact with teachers and peers in the learning process. This study highlights the important role that social media plays in learning Arabic. These findings provide valuable insights to policymakers and institutional leaders to design targeted strategies that enhance the effectiveness of social media in the secondary and higher education sectors.*

Keywords: *Social media, Use of social media, Arabic Language Performance*

Pendahuluan

Media sosial menjadi unsur yang amat penting dalam landskap pendidikan sekarang, terutamanya dalam pembelajaran bahasa Arab pelajar sekolah menengah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi. Penggunaan platform seperti WhatsApp, Instagram, dan YouTube bukan sahaja memudahkan proses rujukan kepada pelbagai sumber pembelajaran, tetapi juga memberikan sumbangan yang besar terhadap peningkatan motivasi dan keterlibatan pelajar dalam proses pembelajaran. Melalui penggunaan media sosial ini, pelajar dapat melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran kolaboratif. Mereka boleh berinteraksi secara aktif dengan rakan sebaya dan guru dalam persekitaran maya yang dinamik. Selain itu, media sosial juga menyediakan peluang pembelajaran yang lebih fleksibel dan bersifat individu. Pelajar dapat menerokai bahan pembelajaran tambahan pada bila-bila masa dan di mana sahaja mereka berada.

Namun, kehadiran media sosial dalam pendidikan juga menimbulkan cabaran seperti gangguan dari kandungan yang tidak relevan, pengurangan masa belajar dan prestasi akademik yang lebih rendah (Kumar, 2024; Maheswari et al., 2024). Penglibatan yang berlebihan dengan platform media sosial sering menyebabkan kelesuan akademik, penangguhan aktiviti pembelajaran dan penurunan fokus kepada pembelajaran. Kajian mendapati 43.8% pelajar mengakui bahawa ia memberi kesan negatif terhadap pengurusan masa mereka (Zainudin et al., 2023). Selain itu, korelasi positif yang rendah antara penggunaan media sosial dengan pencapaian akademik menunjukkan bahawa walaupun penggunaan media sosial boleh memberi manfaat kepada pelajar, penggunaannya yang berlebihan akan merugikan mereka (Amin et al., 2019). Kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang kuat ($r = 0.671$) antara ketagihan media sosial dan masalah kesihatan mental seperti kemurungan yang menjejaskan prestasi akademik (Thanushas et al., 2024). Walaupun dapatan kajian ini dengan jelas menunjukkan implikasi penggunaan berlebihan media sosial terhadap pencapaian akademik dan masalah mental, kajian-kajian ini tidak memberikan fokus kepada konteks khusus pelajar sekolah menengah dan IPT di Kelantan yang mempelajari bahasa Arab. Kemungkinan dinamik budaya dan sosial yang unik

mempengaruhi penggunaan media sosial dan kesannya terhadap prestasi akademik bahasa Arab. Untuk mengisi lompong kajian di atas, penyelidikan yang lebih setempat diperlukan untuk memahami fenomena ini dengan lebih baik. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk melihat kesan penggunaan media sosial dalam pembelajaran terhadap prestasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah dan IPT di Kelantan.

Kajian Literatur

Media sosial merupakan istilah yang merujuk kepada platform digital yang membolehkan pengguna berinteraksi, berkongsi maklumat, dan membina komuniti secara maya. Menurut Kumar (2024), media sosial berperanan penting dalam bidang pendidikan kerana ia menyediakan pelbagai peluang untuk memperkasa proses pembelajaran. Melalui platform seperti YouTube, WhatsApp, Facebook, dan Instagram, pelajar dapat mengakses bahan pembelajaran yang beraneka, yang tidak terhad kepada buku teks sahaja. Media sosial memudahkan pelajar untuk belajar secara sendiri, meningkatkan kolaborasi dan memperkayakan pengalaman pembelajaran secara interaktif dan menarik (Maheswari et al., 2024). Media sosial memupuk penyertaan aktif dalam kalangan pelajar, terutamanya dalam mata pelajaran seperti matematik yang membantu menyelesaikan masalah dan pemahaman (Pimentel et al., 2025). WhatsApp pula digunakan secara meluas dalam konteks pendidikan untuk memudahkan perbincangan mengenai topik berkaitan kurikulum dan sebagai strategi untuk menyelesaikan tugas pembelajaran terutamanya dalam pengajaran bahasa (Junior et al., 2016). Ia berfungsi sebagai alat serba boleh untuk tujuan akademik, komunikasi yang berkesan antara rakan sebaya dan tutor dan pelbagai aktiviti berkumpulan seperti penghantaran mesej, panggilan video dan sidang video (Ancco et al., 2024).

Dalam konteks pengajaran bahasa Arab, media sosial menawarkan kelebihan seperti memberi peluang kepada pelajar untuk berkomunikasi dan berlatih secara aktif di luar bilik darjah. Ia menyokong pendekatan pembelajaran yang bersifat kolaboratif dan membolehkan pelajar menguasai kosa kata, memperbaiki kemahiran bertutur dan memperkukuh kefahaman melalui interaksi maya yang berterusan (Nisa', 2023). Video pendek seperti TikTok dapat meningkatkan minat pelajar dalam bahan pembelajaran dan memupuk persekitaran bilik darjah yang lebih menarik (Fajriani et al., 2024). Platform ini juga menggalakkan kreativiti yang membolehkan pelajar menyatakan pemahaman mereka melalui kandungan multimedia yang seterusnya meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran (Garrigos-Simon et al., 2023). Pendidik boleh menggunakan TikTok untuk membentangkan konsep yang kompleks dalam format visual yang dipermudahkan untuk meningkatkan pemahaman (Simanjuntak et al., 2024). WhatsApp memainkan peranan penting dalam meningkatkan kemahiran bercakap melalui komunikasi berasaskan perbualan lisan. Ia membolehkan pelajar berdialog, diwawancara dan melaksanakan aktiviti berkumpulan yang akan meningkatkan kefasihan, perbendaharaan kata dan kemahiran komunikasi secara keseluruhan (Maulina et al., 2023). Kajian oleh Rosiana et al. (2025) menunjukkan bahawa platform media sosial mampu meningkatkan motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab, terutama dalam kalangan pelajar bukan asli bahasa Arab yang memerlukan rangsangan tambahan bagi pemahaman bahasa tersebut.

Penggunaan media sosial terbukti dapat meningkatkan prestasi bahasa Arab pelajar. Kajian oleh Amirullah (2021) menunjukkan bahawa pelajar yang menggunakan Instagram sebagai alat pembelajaran menunjukkan tahap motivasi yang lebih tinggi berbanding pelajar yang tidak menggunakannya, dengan terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor ujian bahasa Arab antara kedua-dua kumpulan pelajar tersebut. Dapatan kajian Usup dan Purwaningsih (2024)

menunjukkan bahawa sifat interaktif media sosial membantu mewujudkan persekitaran pembelajaran bahasa Arab yang lebih menarik dan meningkatkan penglibatan serta kemahiran bahasa pelajar.

Namun, kekurangan media sosial tidak juga boleh diabaikan. Kelemahan utama termasuk risiko gangguan akibat kandungan yang tidak relevan atau tidak sesuai dan kecenderungan untuk menggunakan media secara berlebihan yang akhirnya mengganggu tumpuan belajar. Kumar (2024) menyatakan bahawa penggunaan berlebihan media sosial boleh menyebabkan masa untuk belajar berkurangan, sekali gus menjejaskan pencapaian akademik. Selain itu, menggunakan media sosial secara tidak bijak turut meningkatkan risiko masalah kesihatan mental seperti kegelisahan, kemurungan, kekurangan tidur dan tekanan emosi (Timung et al., 2024). Isu teknikal seperti sambungan internet yang tidak stabil, kos penggunaan data yang tinggi, terutama di kawasan terpencil, turut menghadkan keberkesanan penggunaannya (Auliya et al., 2025; Chanifudin et al., 2024). Keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan dapatan kajian berkaitan pengaruh media sosial terhadap pencapaian pelajar juga tidak seragam. Hamat dan Hassan (2019) menyatakan bahawa walaupun media sosial membantu pelajar meningkatkan aspek komunikasi dan kosa kata bahasa Arab melalui amalan berinteraksi dalam komuniti maya, keberkesanannya dalam memperbaiki aspek tatabahasa, kemahiran mendengar, dan kemahiran menulis masih terhad. Kajian Santoso et al. (2023) pula mendapati penggunaan media sosial pada tahap yang tinggi tidak membawa kepada peningkatan pembelajaran, sebaliknya menjejaskan prestasi pembelajaran secara keseluruhan. Ini memperlihatkan penggunaan berlebihan atau tanpa kawalan boleh membawa akibat negatif kepada proses pembelajaran.

Secara keseluruhan, kajian menunjukkan bahawa media sosial boleh menjadi alat yang sangat berfaedah jika digunakan secara tersusun dan bertanggungjawab. Penggunaannya mesti diimbangkan bagi mengurangkan risiko yang berkaitan dan memanfaatkan potensi yang tinggi dalam meningkatkan pencapaian pelajar khususnya dalam pembelajaran bahasa Arab. Pendekatan strategik, termasuk latihan berterusan dan kawalan penggunaan amat penting untuk memastikan manfaat maksimum dapat dicapai daripada platform ini. Keadaan ini akan mempengaruhi pengaruh penggunaan media sosial terhadap prestasi bahasa Arab pelajar.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, hipotesis berikut dicadangkan:

H1: Penggunaan media sosial mempengaruhi secara positif prestasi pelajar dalam Bahasa Arab.

Rajah 1 menggambarkan rangka kerja konseptual yang dicadangkan untuk kajian ini. Dalam model ini, pembolehubah bersandar ialah prestasi Bahasa Arab, manakala pembolehubah bebas yang mempengaruhinya ialah penggunaan media sosial dalam pembelajaran.



Rajah 1. Kerangka Kajian

Sumber: Penulis (2025)

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan sebagai pendekatan utama dalam pengumpulan data, menggunakan soal selidik berstruktur untuk memudahkan analisis keratan rentas. Kaedah ini diiktiraf secara meluas kerana keberkesanannya dalam mendapatkan data daripada dunia

sebenar, yang dapat meningkatkan ketepatan dan kebolehppercayaan dapatan kajian (Kumar et al., 2013; Sekaran & Bougie, 2016).

Data dikumpulkan dalam tempoh sebulan, iaitu dari Januari hingga Februari 2025, melibatkan pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi di Kelantan menggunakan kaedah pensampelan rawak bertujuan. Langkah-langkah etika seperti mendapatkan kebenaran daripada responden dan memastikan kerahsiaan data diutamakan sepanjang proses ini. Kajian ini menggunakan soal selidik skala Likert lima mata. Responden menyatakan tahap persetujuan mereka dengan pernyataan berkaitan penggunaan media sosial dalam situasi akademik (Kline, 2011). Sebelum pengumpulan dilaksanakan, pra-ujian telah dijalankan untuk menguji kebolehppercayaan item soalan dan konsistensi respon peserta kajian. Nilai alfa Cronbach lebih besar daripada 0.6 dianggap boleh diterima untuk ujian kebolehppercayaan, yang menunjukkan item soal selidik memiliki konsistensi dalaman.

Penentuan saiz sampel minimum yang diperlukan untuk mencapai kuasa statistik yang diinginkan, perisian G*power 3.1 (Faul et al., 2009) digunakan. Pengiraan saiz sampel dilakukan dengan cara melihat jumlah pemboleh ubah kajian dan item kajian. Untuk mengira saiz sampel yang sesuai, perisian G*power 3.1 ditetapkan pada aras seperti berikut: $f^2 = 0.15$ (sederhana), $\alpha = 0.05$ dan bilangan peramal = 1 serta kuasa ditetapkan pada 80% (Gefen et al., 2011). Menggunakan formula di atas, saiz sampel yang diperlukan untuk menguji model ini adalah 55.

Walaupun hanya 55 respons diperlukan, para penyelidik mengedarkan sejumlah 150 borang soal selidik melalui pautan borang Google untuk mendapatkan tindakbalas maksimum. Sebanyak 126 (33.3%) borang soal selidik yang lengkap telah diterima, melebihi nilai ambang yang dicadangkan untuk meminimumkan bias kajian (Nulty, 2008). Melalui proses saringan data yang menyeluruh, 2 respon dikecualikan kerana terdapat isu terpencil (*outliers*), menghasilkan 124 data kajian yang sah untuk analisis akhir.

Prosedur analisis data melibatkan dua peringkat utama, iaitu pertama, penilaian model pengukuran untuk mengesahkan kebolehppercayaan dan kesahihan konstruk dan penunjuknya, dan kedua, penilaian model struktur untuk mengkaji signifikansi hubungan hipotesis dan peramalan kuasa model (Hair et al., 2019; Henseler et al., 2016). pengukuran item dan pemboleh ubah, dan pengujian hubungan antara pemboleh ubah. Untuk melaksanakan proses ini, analisis korelasi dan Pemodelan Persamaan Struktur (PLS-SEM) dijalankan untuk mengenalpasti hubungan antara pemboleh ubah (Henseler et al., 2015). Statistik deskriptif menggunakan SPSS versi 27.0, memberikan cerapan tentang taburan dan ciri data. Pengukuran dan analisis model struktur telah dilakukan menggunakan PLS-SEM melalui SmartPLS 4 (Ringle et al., 2022).

Dapatan Kajian

Profil Demografik Responden

Majoriti responden kajian adalah perempuan iaitu seramai 107 orang (86.3%), manakala lelaki seramai 17 orang (13.7%). Dalam kategori umur, 53.2% berumur antara 16 hingga 18 tahun, diikuti 26.6% berumur 21-25 tahun dan 20.2% di bawah 15 tahun. Dari segi kekerapan penggunaan media sosial, 66 pelajar (53.2%) menggunakannya setiap hari, manakala 49 orang (39.5%) menggunakannya beberapa kali seminggu. Hanya 3 pelajar (2.4%) menggunakan media sosial sebanyak beberapa kali dalam sebulan, 4 orang (3.2%) jarang sekali, dan 2 orang

(1.6%) tidak menggunakan media sosial langsung. Dari segi platform yang digunakan, TikTok adalah yang paling popular dengan 49 pelajar (39.5%), diikuti WhatsApp dengan 29 orang (23.4%), Google dengan 17 orang (13.7%), YouTube sebanyak 13 orang (10.5%), dan Instagram dengan 6 orang (4.8%). Selain itu, 6 pelajar (4.8%) menggunakan Telegram, manakala yang lain ialah Facebook dan ChatGPT masing-masing 2 orang (1.6%). Maklumat demografi responden ini diringkaskan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Profail Responden

Kategori	Sub Kategori	Frekuensi	Peratus(%)
Jantina	Lelaki	17	13.7
	Perempuan	107	86.3
Umur	Bawah 15 tahun	25	20.2
	16 -18 tahun	66	53.2
	21 – 25 tahun	33	26.6
Kekerapan Guna Media Sosial	Setiap hari	66	53.2
	Beberapa kali seminggu	49	39.5
	Beberapa kali sebulan	3	2.4
	Jarang sekali	4	3.2
	Tidak guna media sosial	2	1.6
Platform yang diguna	TikTok	49	39.5
	WhatsApp	29	23.4
	Google	17	13.7
	Utube	13	10.5
	Instagram	6	4.8
	Telegram	6	4.8
	Facebook	2	1.6
	ChatGPT	2	1.6

Sumber: Penulis (2025)

Penilaian Model Pengukuran

Untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan model pengukuran, kesahan konvergen dan kesahan diskriminan dijalankan. Kesahan konvergen menilai sejauh mana beberapa indikator atau item yang mengukur konstruk yang sama berkaitan antara satu sama lain. Dalam erti kata lain, ia menguji sama ada soalan atau item berbeza yang bertujuan untuk menjelaskan konsep tertentu, konsisten dan berkorelasi secara positif antara satu sama lain (Malhotra, 2002). Ia melibatkan beberapa ujian seperti ujian kebolehpercayaan indikator (muatan faktor), konsistensi dalaman (CR) dan nilai Purata Varians Diekstrak (AVE). Kesahan diskriminan dinilai menggunakan nisbah Heterotrait-Monotrait (HTMT), yang menilai sama ada konstruk berbeza secara konseptual. Nilai HTMT ditetapkan tidak melebihi ambang yang disyorkan iaitu 0.85 (Kline, 2011).

Hasil ujian kesahan konvergen menunjukkan semua muatan faktor melepasi ambang minimum 0.60, iaitu antara 0.636 hingga 0.900. Ini menunjukkan kebolehpercayaan indikator berada pada tahap yang boleh diterima (Hair et al., 2014). Konsistensi dalaman telah dinilai menggunakan Kebolehpercayaan Komposit (CR), dengan semua konstruk mencapai nilai CR antara 0.894, melepasi ambang yang disyorkan iaitu 0.70 (Henseler et al., 2009), sekali gus mengesahkan

konsistensi dalaman yang kuat. Semua konstruk melaporkan nilai AVE antara 0.585 dan 0.629, jauh melebihi ambang yang ditetapkan iaitu 0.50 (Ramayah et al., 2016; Wong, 2013). Keputusan ini mengesahkan bahawa konstruk kajian adalah boleh dipercayai dan sah. Ringkasan analisis kesahan konvergen dijelaskan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Kesahan Konvergen

Konstruk	Item	Muatan Faktor	CR	AVE
Guna	Guna1	0.771	0.894	0.585
	Guna2	0.792		
	Guna3	0.636		
	Guna4	0.665		
	Guna5	0.774		
	Guna6	0.755		
Prestasi	Pre1	0.739	0.894	0.629
	Pre2	0.675		
	Pre3	0.811		
	Pre5	0.870		
	Pre6	0.900		

GUNA: Penggunaan Media Sosial, PRESTASI: Prestasi Bahasa Arab, CR: Kebolehppercayaan Komposit, AVE: Purata Varians Diekstrak.

Sumber: Penulis (2025)

Jadual 3 menunjukkan bahawa nilai HTMT untuk semua binaan berada di bawah ambang yang dicadangkan oleh Kline (2011) iaitu 0.85. Secara terperinci, nisbah HTMT dalam penyelidikan ini ialah 0.648, menunjukkan bahawa konstruk yang dinilai cukup berbeza antara satu sama lain, dan kesahan diskriminan telah dibentuk. Selain itu, kaedah inferens HTMT telah digunakan dengan menilai selang keyakinan (CI) untuk setiap pasangan konstruk. Tidak terdapat selang keyakinan yang melebihi nilai kritikal 1 yang secara tidak langsung mengesahkan kesahan diskriminan (Hair et al., 2017).

Jadual 3 : Nisbah Heterotrait-Monotrait (HTMT)

	Guna	Prestasi
Guna		
Prestasi	0.648	

GUNA: Penggunaan Media Sosial, PRESTASI: Prestasi Bahasa Arab.

Sumber: Penulis (2025)

Selepas selesai analisis kesahan diskriminan dan memastikan ketiadaan isu multikolineariti, fasa seterusnya ialah menilai model struktur. Ini melibatkan pengujian hubungan antara konstruk penggunaan media sosial dengan prestasi Bahasa Arab.

Penilaian Model Struktur

Model struktur dinilai untuk menentukan kedua-dua kuasa penjelasan dan ramalannya, seperti yang diringkaskan dalam Jadual 4. Kekuatan penjelasan model telah dinilai menggunakan R^2 dan saiz kesan (f^2), manakala *bootstrapping* dengan 10,000 sampel semula (Becker et al., 2022) digunakan untuk anggaran pekali laluan. Kebolehan peramalan (Q^2) telah dinilai menggunakan prosedur *blindfolding*. Keputusan menunjukkan bahawa penggunaan media sosial (GUNA) menjelaskan 33.6% daripada varians dalam prestasi Bahasa Arab (PRE), menunjukkan kuasa penjelasan berada pada tahap sederhana (Chin, 1998; Hair et al., 2012). Analisis saiz kesan


mendedahkan bahawa GUNA ($f^2 = 0.505$) mempunyai kesan besar pada PRES (Hair et al., 2014).

Analisis pekali laluan menunjukkan bahawa GUNA ($\beta = 0.579$, $t = 9.409$, $p < 0.001$) mempengaruhi PRE dengan ketara, menyokong H1. Nilai Q^2 0.196, melebihi sifar, mengesahkan perkaitan ramalan model (Hair et al., 2011; Henseler et al., 2009). Hasil analisis dijelas dalam Jadual 4 dan Rajah 2 di bawah:

Jadual 4: Pengujian Hipotesis

Hipotesis	Hubungan	Beta (β)	Nilai-t	Nilai-p	BCI LL	BCI UL	Keputusan	f^2
H1	Guna -> Pre	0.579	9.409	0.000	0.455	0.663	Disokong	0.505

GUNA: Penggunaan Media Sosial, PRESTASI: Prestasi Bahasa Arab.
Sumber: Penulis (2025)



Rajah 2: Keputusan Analisis Bootstrapping


Sumber: Penulis (2025)

Analisis IPMA

Untuk analisis lanjut, kajian ini menggunakan IPMA, yang difokuskan kepada prestasi Bahasa Arab sebagai konstruk sasaran. IPMA bukan sahaja menyerlahkan kepentingan relatif peramal tetapi juga mengenal pasti kawasan yang mempunyai potensi berprestasi rendah (Ringle & Sarstedt, 2016). Kepentingan mencerminkan jumlah kesan peramal pada item pembolehubah bersandar, manakala prestasi merujuk kepada purata skor pembolehubah pendam. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3 dan Jadual 5, GUNA5 (mendapatkan pandangan alternatif tentang subjek) muncul sebagai peramal yang paling berpengaruh (kepentingan = 0.151), walaupun skor prestasinya (74.395) bukanlah yang tertinggi, diikuti GUNA2 (meningkatkan prestasi akademik) (kepentingan = 0.148, prestasi = 64.919) dan GUNA6 (berinteraksi dengan guru dan rakan) (kepentingan = 0.137, prestasi = 70.161). Sebaliknya, GUNA4 (mencari bahan pembelajaran tambahan) menunjukkan prestasi tertinggi (83.871) tetapi kurang berpengaruh. GUNA1 (memahami subjek dengan baik) menunjukkan kepentingan terendah (0.098) dan skor prestasi yang agak rendah (76.008), diikuti GUNA 3 (menyelesaikan tugas dengan lebih cepat) (kepentingan = 0.114; prestasi = 81.048) menunjukkan GUNA1 adalah peramal yang paling lemah dan berada dalam kawasan yang berpotensi untuk dibuat penambahbaikan strategik.

Jadual 5: Keputusan IPMA

Pembolehubah	Prestasi Bahasa Arab	
	Kesan Keseluruhan (Kepentingan)	Nilai Indeks (Prestasi)
Guna1 (memahami subjek dengan baik)	0.098	76.008
Guna2 (meningkatkan prestasi akademik)	0.148	64.919
Guna3 (menyelesaikan tugas dengan lebih cepat)	0.114	81.048
Guna4 (mencari bahan pembelajaran tambahan)	0.111	83.871
Guna5 (mendapatkan pandangan alternatif subjek)	0.151	74.395
Guna6 (berinteraksi dengan guru dan rakan)	0.137	70.161



Rajah 3: Analisis IPMA Prestasi Bahasa Arab

Perbincangan

Dapatan kajian menyokong hubungan yang signifikan antara penggunaan media sosial dan kemahiran bahasa Arab pelajar dengan nilai Beta (β) sebanyak 0.579 dan nilai t yang tinggi (9.409), serta nilai p yang sangat signifikan (0.000). Ini menunjukkan bahawa penggunaan media sosial secara keseluruhan mempunyai kesan positif terhadap pencapaian bahasa Arab. Dapatan kajian ini dengan kajian Kumar (2024) dan Maheswari et al. (2024), yang memberikan tumpuan kepada peranan media sosial dalam meningkatkan proses pembelajaran melalui platform digital.

Selain itu, analisis IPMA menunjukkan bahawa pencapaian bahasa Arab pelajar dipengaruhi secara ketara oleh setiap enam indikator prestasi (GUNA1 hingga GUNA6). Contohnya, GUNA5 dengan nilai indeks kepentingan tertinggi (0.151) dan GUNA2 dengan nilai indeks kepentingan kedua tinggi (0.148) dan GUNA6 dengan nilai indeks ketiga tertinggi (0.137) menunjukkan bahawa mencari pandangan alternatif selain daripada apa yang di ajar dalam kelas, menggunakan media sosial untuk meningkatkan prestasi dan berinteraksi dengan guru dan rakan di dalam dan luar bilik darjah adalah komponen penting dalam meningkatkan pencapaian bahasa Arab. Ini selaras dengan penyelidikan Fajriani et al. (2024), yang menyatakan bahawa penggunaan kandungan multimedia dan video pendek boleh meningkatkan

keinginan dan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran bahasa. Dapatan berkaitan penggunaan media dalam berinteraksi dengan guru dan rakan juga menyokong pandangan Maulina et al. (2023) yang menyatakan peranan penting yang dimainkan oleh WhatsApp dalam meningkatkan kemahiran bercakap melalui komunikasi berasaskan perbualan lisan akan meningkatkan kefasihan, perbendaharaan kata dan kemahiran komunikasi secara keseluruhan.

Media sosial seperti WhatsApp, Instagram, dan TikTok menawarkan peluang interaktif yang menyokong kerja berpasukan dan melatih komunikasi pelajar dalam literatur (Garrigos-Simon et al., 2023; Nisa', 2023). Sebagaimana yang ditunjukkan oleh keputusan IPMA yang mempunyai kesan yang lebih besar kepada metrik tertentu, penggunaan platform ini boleh meningkatkan motivasi, memperluaskan kosa kata, dan meningkatkan kemahiran bercakap. Media sosial boleh meningkatkan minat pelajar, terutamanya dalam kalangan pelajar yang tidak berbahasa Arab, menurut kajian Rosiana et al. (2025).

Walaupun, tidak dapat dinafikan bahawa halangan dan kelemahan dalam penggunaan media sosial juga memberi kesan kepada tahap pencapaian. Kajian yang dijalankan oleh Kumar (2024) mengingatkan bahawa penggunaan media sosial yang berlebihan boleh menyebabkan gangguan dan menjejaskan tumpuan pelajar. Sebaliknya, masalah kesihatan mental dan halangan teknikal turut menjejaskan penggunaan media sosial dalam pendidikan (Timung et al., 2024; Auliya et al., 2025). Oleh itu, untuk mendapatkan manfaat maksimum daripada penggunaan media sosial tanpa menimbulkan kesan negatif, penggunaan media sosial ini perlu dikawal dan dirancang penggunaan secara teratur.

Secara keseluruhan, penemuan ini menunjukkan bahawa media sosial boleh membantu pelajar mencapai prestasi yang lebih baik dalam bahasa Arab. Namun, ia harus digunakan dengan teliti dan berstrategik selari dengan dapatan kajian lalu yang menyokong keberkesanan penggunaan media sosial dalam pembelajaran. Untuk memanfaatkan sepenuhnya platform ini dalam pendidikan bahasa Arab, pendekatan yang berstrategik dan bersistematik adalah penting.

Limitasi dan Batasan Kajian

Kajian ini terhad kepada pelajar di negeri Kelantan sahaja, jadi ia tidak boleh digeneralisasikan kepada semua pelajar di Malaysia. Selain itu, kajian ini adalah bersifat tinjauan keratan rentas dan tidak melihat kepada kesan jangka panjang atau perubahan dari masa ke masa. Selain itu, instrumen soal selidik berstruktur yang digunakan tidak mengambil kira aspek luar seperti latar belakang keluarga, penguasaan bahasa pertama, dan faktor psikososial yang mungkin memberi kesan kepada prestasi pelajar.

Selain itu, penggunaan media sosial yang dikaji lebih tertumpu kepada platform yang paling popular di kalangan responden, manakala pengaruh platform lain yang kurang terkenal tidak dikaji secara menyeluruh. Selain itu, kajian ini lebih berfokus pada kesan penggunaan media sosial terhadap prestasi Bahasa Arab. Aspek negatifnya seperti gangguan, kehilangan fokus dan masalah kesihatan mental tidak diuji secara empirikal. Dengan batasan ini, keputusan kajian harus digunakan sebagai asas untuk kajian yang lebih mendalam yang melibatkan pelbagai aspek dan sampel yang lebih luas.

Kesimpulan

Perbincangan di atas dengan jelas bahawa penggunaan media sosial mempunyai kesan positif dan penting terhadap prestasi bahasa Arab pelajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan platform digital seperti WhatsApp, TikTok, dan Instagram boleh meningkatkan

aspek pelajar seperti motivasi, kosa kata, dan bertutur. Ini sejajar dengan kajian yang menegaskan bahawa media sosial membantu pelajar untuk belajar lebih baik menggunakan pengalaman beriteraksi menggunakan multimedia.

Walau bagaimanapun, untuk mengelakkan kesan negatif seperti gangguan, kehilangan tumpuan, dan masalah kesihatan mental, penggunaan media sosial perlu dilakukan secara berstrategi dan berhemah. Untuk mencapai hasil terbaik tanpa menjejaskan fokus atau keberkesanan pembelajaran, pendekatan pengurusan dan kawalan yang berterusan adalah penting. Secara keseluruhan, media sosial adalah alat yang sangat berguna untuk meningkatkan pembelajaran bahasa Arab jika digunakan dengan betul untuk meningkatkan prestasi pelajar.

Penghargaan

Terima kasih kepada UiTM, Kementerian Pendidikan, dan Institusi Pendidikan Tinggi yang berkaitan yang memberikan sokongan dan kerjasama yang cemerlang semasa proses pengumpulan data yang secara tidak langsung memastikan perjalanan penyelidikan ini lancar.

Rujukan

- Amin, I. M. H., Hassan, N. C., & Jalil, H. Ab. (2019). Relationship between social media usage and academic achievement among tertiary students in Malaysian public university. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 8(4), 627–642. <https://doi.org/10.6007/IJARPED/V8-I4/6671>
- Amirullah, N. I. (2021). The Impact of Using Instagram and Whatsapp Social Media on the Intensity of Learning Arabic Language/ تأثير استخدام وسائل التواصل الاجتماعي إنستغرام و واتساب على حافز تعلم اللغة العربية. *ATHLA : Journal of Arabic Teaching, Linguistic and Literature*, 2(2), 151–164. <https://doi.org/10.22515/athla.v2i2.394>
- Ancco, V. N. V., Calderón Quino, K. M., & Bustinza-Choquehuanca, S. A. (2024). Effectiveness of WhatsApp as an academic tutoring tool in the academic performance of university students. *Edelweiss Applied Science and Technology*, 8(6), 6031-6039. <https://doi.org/10.55214/25768484.v8i6.3317>
- Auliya, A., Aljanah, D. S., Sagala, R., Hijriyah, U., & Ghazi, F. (2025). *The Digital Revolution in Arabic Language Learning: An Analysis of Trends, Results, and the Future of Language Education in the Digital Age*. 2(1), 194–203. <https://doi.org/10.47352/3032-503x.69>
- Becker, J.-M., Cheah, J. H., Gholamzade, R., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2022). PLS-SEM's most wanted guidance. *International Journal of Contemporary Hospitality Management*, 35(1), 321–346. <https://doi.org/10.1108/IJCHM-04-2022-0474>
- Bottentuit Junior, J., Albuquerque, O. C. P., & Coutinho, C. P. (2016). *WHATSAPP e suas Aplicações na Educação: uma revisão sistemática da Literatura/WhatsApp in Education: a Systematic Review of the Literature*. 10(2), 67–87.
- Chanifudin, C., Athirah, F., Nur'azimah, N., Susanti, T., & Roinah, R. (2024). The Transformation of Social Media in Arabic Language Learning: Opportunities and Risks in the Indonesian Context. *International Journal of Innovative Research in Multidisciplinary Education*, 03(09), 1429-1435. <https://doi.org/10.58806/ijirme.2024.v3i9n01>
- Chin, W. W. (1998). Issues and opinion on structural equation modeling. *MIS Quarterly*, 22(1), 7–16.
- Fajriani, F., Aprilia, N. R., Hamonangan Harahap, I. S., & Mulyeni, S. (2024). Penggunaan Media Sosial Tiktok dalam Proses Pembelajaran. *Mutiara, Bau Bau/Mutiara*, 3(1), 96–104. <https://doi.org/10.59059/mutiara.v3i1.1962>
- Farfán Pimentel, J. F., Delgado Arenas, R., Arias-Campos, N., Valdez-Asto, J. L., Lizandro-Crispín, R., & Farfán Pimentel, D. E. (2025). YouTube y el Aprendizaje de la Matemática

- en Estudiantes de Secundaria. *Ciencia Latina*, 8(6), 9525–9541. https://doi.org/10.37811/cl_rcm.v8i6.15624
- Faul, F., Erdfelder, E., Buchner, A., & Lang, A.G. (2009). Statistical power analyses using G*Power 3.1: Tests for correlation and regression analyses. *Behavior Research Methods*, 41, 1149–1160.
- Garrigos-Simon, F.J.; Narangajavana Kaosiri, Y.; Sanz-Blas, S.; Buzova, D. 2022. TikTok y Educación. In the proceedings book: International conference on innovation, documentation and education. INNODOCT/22. Valencia, November 2nd-7th 2022, 477–489. <https://doi.org/10.4995/INN2022.2022.16503>
- Gefen, D., Rigdon, E. E., & Straub, D. (2011). An Update and Extension to SEM Guidelines for Administrative and Social Science Research. *MIS Quarterly*, 35(2), iii–A7.
- Hair, J. F., Hult, G. T. M., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2014). *A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM)*. SAGE Publications, Inc.
- Hair, J. F., Hult, G. T. M., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2017). *A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM): Second Edition* (Second Edi). SAGE Publications, Inc.
- Hair, J. F., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2011). PLS-SEM: Indeed a silver bullet. *The Journal of Marketing Theory and Practice*, 19(2), 139–152. <https://doi.org/10.2753/MTP1069-6679190202>
- Hair, J. F., Risher, J. J., Sarstedt, M., & Ringle, C. M. (2019). When to use and how to report the results of PLS-SEM. *European Business Review*, 31(1), 2–24. <https://doi.org/10.1108/EBR-11-2018-0203>
- Hair, J. F., Sarstedt, M., Ringle, C. M., & Mena, J. A. (2012). An assessment of the use of partial least squares structural equation modeling in marketing research. *Journal of the Academy of Marketing Science*, 40(3), 414–433. <https://doi.org/10.1007/s11747-011-0261-6>
- Hamat, A., & Hassan, H. (2019). *Use of Social Media for Informal Language Learning by Malaysian University Students*. 3L: The Southeast Asian Journal of English Language Studies, 25(4), 68–83. <https://doi.org/10.17576/3L-2019-2504-05>
- Henseler, J., Hubona, G., & Ray, P. A. (2016). Using PLS path modeling in new technology research: Updated guidelines. *Industrial Management & Data Systems*, 116(1), 2–20. <https://doi.org/10.1108/02635570710734262>
- Henseler, J., Ringle, C. M., & Sinkovics, R. R. (2009). The use of partial least squares path modeling in international marketing. *New Challenges to International Marketing: Advances in International Marketing*, 20, 277–319. [https://doi.org/10.1108/S1474-7979\(2009\)0000020014](https://doi.org/10.1108/S1474-7979(2009)0000020014)
- Henseler, J., Ringle, C.M., Sarstedt, M. (2015). A new criterion for assessing discriminant validity in variance-based structural equation modeling. *Journal of the Academy of Marketing Science*, 43(1), 115–135.
- Kline, R.B. (2011). *Principles and Practice of Structural Equation Modeling*. New York: Guilford Press.
- Kumar, A. (2024). A Study of the Impact of Social Media on the Scholastic Achievement of Adolescent Students in Secondary School. *International Journal of Emerging Knowledge Studies*, 03(10), 761–764. <https://doi.org/10.70333/ijeks-03-09-027>
- Kumar, M., Salim, A. T., & Ramayah, T. (2013). *Business Research Methods*. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Maheswari, M., Karuppannan, A., Ramakrishnan, M., & Srividhya, G. (2024). Social Media Engagement and Academic Achievement. *Advances in Educational Marketing*,

- Administration, and Leadership Book Series*, 213–236. <https://doi.org/10.4018/979-8-3693-3587-1.ch009>
- Malhotra, N.K. (2002). *Basic Marketing Research: Applications to Contemporary*. New Jersey: Prentice Hall International.
- Maulina, T. R., Cortez, A. O., Narciso, S. A. V., & Said, A. (2023). Social Media as Mobile Learning Oral Chat-Based Constructive Communication to Improve Speaking Skills. *Decode*, 3(1), 139–150. <https://doi.org/10.51454/decode.v3i1.144>
- Nisa', A. L. F. (2023). Optimizing Arabic Language Proficiency Through Instagram Social Media as an Effort in Arabic Language Digitalization. *Kitaba*, 1(3), 115–124. <https://doi.org/10.18860/kitaba.v1i3.23415>
- Nulty, D. D. (2008). The adequacy of response rate to online and paper survey: what can be done? *Assessment and Evaluation in Higher Education*, 33(3), 301–314.
- Ramayah, T., Cheah, J., Chuah, F., Ting, H., & Memon, M. A. (2016). *Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM) using SmartPLS 3.0: An Updated and Practical Guide to Statistical Analysis* (First Edition). Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2016). Gain more insight from your PLS-SEM results: The importance-performance map analysis. In *Industrial Management and Data Systems* (Vol. 116, Issue 9, pp. 1865–1886). Emerald Group Publishing Ltd. <https://doi.org/10.1108/IMDS-10-2015-0449>
- Ringle, C. M., Wende, S., & Becker, J.-M. (2022). *SmartPLS 4*. Oststeinbek: SmartPLS GmbH. <https://www.smartpls.com/>
- Rosiana, R., Safitri, E., Pahrudin, A., Erlina, E., & Koderi, K. (2025). *Networking With Arabic: Learning Strategies Through Digital and Social Platforms*. 2(1), 182–193. <https://doi.org/10.47352/3032-503x.68>
- Santoso, Primasari, N.A., Dewi, E.U., & Islamarida, R. (2023). Hubungan Antara Intensitas Penggunaan Media Sosial Dan Prestasi Belajar Formatif Pada Mahasiswa S1 Program Studi Keperawatan Stikes Guna Bangsa Yogyakarta. *Jurnal Cakrawala Ilmiah*. 2(8), 3175–3184
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2016). *Research Methods for Business: A Skill-Building Approach* (Seventh). John Wiley & Sons Ltd.
- Simanjuntak, H. E., Purba, H. C., Ginting, J. T., Aruan, P. A., Panjaitan, R. J. N., & Herliani, R. (2024). Optimalisasi Pemanfaatan Media Pembelajaran Berbasis TikTok sebagai Upaya Meningkatkan Hasil Belajar Siswa. *Indo-MathEdu Intellectuals Journal*, 5(5), 6219–6229. <https://doi.org/10.54373/imeij.v5i5.1940>
- Thanushas Subramaniam, Johnathan Malagobadan, Avishva Janani Anbalagan, Poa Tse Yee, Abberaami Sankar, Muhammad Faiq Afifuddin Bin Md Dan, & Muhamad Hisyamuddin Mohd Lazaldin. (2024). Association of symptomatologic depression with social media addiction among university students in malaysia. *Global Journal of Public Health Medicine*, 6(1), 999–1009. <https://doi.org/10.37557/gjphm.v6i1.252>
- Timung, B., Bordoloi, K., & Das, A. M. (2024). The Influence of Social Media on Learning Behaviors: A Social Science Perspective. *Deleted Journal*, 1(6), 379–391. <https://doi.org/10.62583/rjzw8r96>
- Usup, U., & Purwaningsih, D. I. (2024). Analysis of the Impact of Social Media as a Learning Tool in Language Subjects. *Journal of Computer Science Advancements*, 2(4), 231–243. <https://doi.org/10.70177/jsca.v2i4.1324>
- Wong, K. K. (2013). Partial least squares structural equation modeling (PLS-SEM) techniques using SmartPLS. *Marketing Bulletin*, 24, 1–32.
- Zainudin, F. S., Arham, A. F., Yusaini, S. N. A. M., Kamal, A. A. A., Hasnan, N. I. H., Azam, M. A. A. M., Sadzalee, M. S. R. M., Ahmad, N. S., Fuat, N. F. M., Jafry, N. H. A., Karim,

M., Nazri, N. S., Hamsan, M. H., Rusly, N. S., Aziz, M. F., Yusoff, Y. M., & Rahim, A. A. (2023). Social Media Usage: The Impact on Malaysian Student Life. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*. 13(12), 3341-3353. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v13-i12/20192>